

Semarak MALAYSIA

www.penerangan.gov.my



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA 2019



05

**MALAYSIA
BAHARU**

06

**KEMAKMURAN
BERSAMA**

08

**KERAJAAN
PRIHATIN**

14

**KITA
MALAYSIA**

#SAYANGIMALAYSIKU

#MALAYSIABERSIH

#KEMAKMURAN BERSAMA

#KITAMALAYSIA



<http://malaysiamerdeka.my/>



Merdeka360



@Merdeka360



@Merdeka360



Program Utama Sambutan Hari Kebangsaan Dan Hari Malaysia 2019

01

PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2019

Tarikh : 3 Ogos 2019 (Sabtu)
Masa : 8.00 malam
Lokasi : Dataran Pahlawan Megamall, Melaka
Tetamu Kehormat : Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

Acara ini diadakan sebagai menandakan bermulanya Sambutan Hari Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang secara besar-besaran sehingga 16 September 2019

02

ACARA PERBARISAN DAN PERARAKAN HARI KEBANGSAAN 2019

Tarikh : 31 Ogos 2019 (Sabtu)
Masa : 7.00 pagi
Lokasi : Dataran Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tetamu Kehormat : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Acara kemuncak ini diadakan bagi mempamerkan kejayaan-kejayaan negara melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain.

03

SAMBUTAN HARI MALAYSIA

Tarikh : 16 September 2019 (Isnin)
Masa : 8.00 malam
Lokasi : Kuching, Sarawak
Tetamu Kehormat : Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

Acara istimewa meraikan pembentukan Malaysia dengan penyertaan Sabah dan Sarawak.



TITAH DIRAJA

“ Perpaduan dan keharmonian Rakyat adalah tiang seri kekuatan Negara. Jangan sesekali kita mencetuskan api perselisihan dengan membangkitkan perkara yang boleh menggugat dan meruntuhkan keharmonian negara. ”

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah
Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah
Al-Musta'in Billah

Sempena Istiadat Pertabalan
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI
Istana Negara, 30 Julai 2019





“

Kemakmuran Bersama adalah usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus menerus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif...

”

YAB TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
Perutusan Perdana Sempena Satu Tahun Malaysia Baharu
Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)
9 Mei 2019

BERSATU HATI MEMBINA MALAYSIA BAHARU



PASCA Pilihan Raya Umum ke-14 menyaksikan peralihan tampuk pemerintahan yang membawa satu nafas baharu dalam era kepemimpinan dan pentadbiran negara. Setelah 61 tahun merdeka, buat pertama kalinya, rakyat telah memberi mandat kepada sebuah kerajaan baharu yang telah berikrar untuk memegang amanah dalam menjalankan pentadbiran kerajaan dengan efisien, tulus, dinamik serta menyantuni rakyat. Kerajaan baharu ini telah memulakan usaha-usaha ke arah mewujudkan 'Malaysia Baharu'.

Malaysia Baharu adalah usaha untuk memperbaiki 'kerosakan' yang telah dialami negara dan juga usaha untuk mengulangi kejayaan dan pencapaian membanggakan yang pernah dicapai sebelum ini.

Malaysia Baharu adalah langkah permulaan ke arah Malaysia yang lebih progresif dan berwawasan dalam membina ketamadunan peradaban tinggi. Ia juga menggerakkan strategi-strategi baharu bagi mencapai matlamat menjadikan sebuah negara hebat dan disegani rakan serantau.

Di bawah gagasan Malaysia Baharu ini kerajaan komited untuk memastikan setiap daripada rakyat akan menikmati kemakmuran dan kejayaan negara dengan perkongsian dan pembahagian yang saksama.

Kemunculan Malaysia Baharu ini juga adalah bagi menyahut seruan rakyat yang mahukan satu Malaysia Baharu yang menjunjung prinsip-prinsip keadilan, yang mempunyai tadbir urus yang baik dan berintegriti serta menyanjung tinggi konsep kedaulatan undang-undang.

Rakyat juga mahukan Malaysia Baharu yang menjadi sahabat kepada semua pihak, kekal neutral tanpa memihak kepada mana-mana kuasa asing, menolak peperangan dan keganasan serta berani dalam menyatakan kebenaran dan berpegang teguh kepada prinsip saling menghormati serta berkongsi kemakmuran bersama-sama.

Malaysia Baharu mengamalkan prinsip demokrasi berpandukan undang-undang dan menolak kleptokrasi. Di bawah Malaysia Baharu, Kerajaan sentiasa memberikan komitmen kepada 'rakan sekutu', Sabah dan Sarawak dalam memastikan hak dan kepentingan rakyat bagi kedua-dua wilayah itu akan sentiasa terjamin seperti mana yang termaktub di dalam Perjanjian Malaysia 1963.

Gagasan Malaysia Baharu ini adalah sinar harapan untuk memastikan Malaysia terus hebat dan disegani rakan serantau. Marilah kita bersatu hati membina Malaysia Baharu demi kemakmuran bersama.



WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA



Sempena genap setahun pemerintahan Malaysia Baharu pada 9 Mei 2019, Kerajaan telah memperkenalkan Wawasan Kemakmuran Bersama sebagai kesinambungan kepada usaha-usaha menjadikan Malaysia sebuah negara hebat dan disegani rakan serantau.

Kemakmuran Bersama adalah usaha menjadikan Malaysia sebuah negara “yang terus menerus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif (*equitable growth*) di setiap peringkat rantaian nilai, kelas, kaum dan geografi” sehingga mewujudkan rasa keharmonian dan kestabilan di kalangan rakyat menjelang tahun 2030.

Matlamat Kemakmuran Bersama adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia dengan meningkatkan kuasa beli rakyat dan menghapuskan jurang pendapatan dan kekayaan

antara kelas, kaum, wilayah dan rantaian bekalan yang melampau (*extreme disparity in supply chain*).

Hasrat Kemakmuran Bersama ini dibangunkan untuk memastikan ia mencapai 3 objektif utama:

- Memastikan Jurang Pendapatan dan Kekayaan rakyat dapat ditangani antara kelas, kaum, wilayah dan rantaian bekalan bagi membawa bersama rakyat yang ketinggalan supaya terbela dan diperkasakan.
- Model Pembangunan Baharu untuk semua dengan mewujudkan ekonomi yang lebih terstruktur, progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat.
- Menjadikan Malaysia lebih cemerlang sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai salah satu paksi ekonomi Asia.

Falsafah Kemakmuran Bersama memberikan satu kunci kepada semangat perpaduan, hormat-menghormati dan berkongsi kekayaan serta pertumbuhan ekonomi bersama-sama dalam Malaysia, kini dan di masa hadapan.

7 TERAS STRATEGIK telah digariskan bagi memastikan matlamat Kemakmuran Bersama ini dapat dicapai.



7 TERAS STRATEGIK

KEMAKMURAN BERSAMA

Teras 1:

PENSTRUKTURAN DAN PENAMBAHBAIKAN EKOSISTEM PERNIAGAAN DAN INDUSTRI NEGARA



- Penggunaan teknologi dan Revolusi Industri 4.0, pemakaian ekonomi digital secara menyeluruh dan peningkatan kemahiran pekerja yang bernilai tinggi penting untuk melonjakkan ekonomi negara.

Teras 2:

PEMBANGUNAN WILAYAH YANG INKLUSIF



- Memastikan pembangunan pusat-pusat ekonomi yang lebih menyeluruh supaya jurang dalam bandar, antara bandar dan desa, negeri yang maju, terkebelakang dan antara Semenanjung serta negeri-negeri Borneo dikurangkan.

Teras 3:

SEKTOR PERTUMBUHAN BAHARU



- Pelaburan dan pewujudan kapasiti dalam sektor-sektor pertumbuhan baharu amat penting dalam ekonomi dunia yang terus berubah secara radikal. Malaysia tidak harus menjadi negara pengguna sebaliknya negara yang mampu mengeluarkan lebih banyak produk sendiri bertaraf antarabangsa.

Teras 4:



REFORMASI BAKAT DAN SUMBER TENAGA NEGARA

- Melihat semula secara menyeluruh program-program peningkatan keupayaan dan kemahiran di sektor swasta dan kerajaan. Melahirkan tenaga kerja yang kompetitif, produktif dan relevan dengan industri dunia.

Teras 5:

MEMPERBAIKI PASARAN BURUH DAN PENDAPATAN PEKERJA



- Menentu polisi dan program yang memberi pendapatan yang lebih adil kepada pekerja supaya kenikmatan dapat dirasakan mereka. Penyediaan peluang yang lebih menyeluruh kepada pekerja tempatan di semua peringkat harus menjadi keutamaan.

Teras 6:

MEMPERKUKUH KESEJAHTERAAN SOSIAL



- Polisi dan program ke arah kesejahteraan sosial yang lebih menyeluruh harus diperkukuhkan berdasarkan prinsip memenuhi ekonomi keperluan.

Teras 7:

PENINGKATAN MODAL SOSIAL RAKYAT



- Malaysia memerlukan masyarakat yang matang, berilmu, bekerja keras dan mementingkan perpaduan. Peningkatan modal sosial dan struktur sokongan sosial yang utuh penting untuk memastikan negara pesat membangun.



KERAJAAN PRIHATIN

Dengan mandat yang diterima pada 9 Mei 2018, Kerajaan Malaysia Baharu telah memulakan langkah pemulihan semula Negara tercinta ini.



- Sebanyak 53 Inisiatif atau 11.42% telah ditunaikan daripada 128 Inisiatif. Manakala 283 Inisiatif atau 60.99% adalah di peringkat Dalam Perancangan dan akan dimulakan dengan segera sebaik sahaja segala perancangan siap dibuat. Prestasi ini menunjukkan peningkatan sebanyak 29.34% berbanding 9.67% pada 31 Disember 2018.
- Kerajaan Malaysia Baharu sangat komited untuk memulihkan negara dengan mengambil langkah drastik khususnya dalam meningkatkan ekonomi negara.
- Dalam usaha menangani rasuah yang berleluasa, satu badan pencegah rasuah, GIACC atau Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional telah ditubuhkan untuk meningkatkan integriti dan membasmi rasuah. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia turut diperkuat. Selain itu Kerajaan turut memperkenalkan Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019-2023.
- Penyelamatan institusi seperti Felda dan Tabung Haji telah dilakukan. Kertas putih kearah kelestarian Felda telah dibentang di Parlimen dan Model Felda Baharu telah diwujudkan.
- Reformasi dalam undang-undang juga sudah dilaksana atau sedang dilaksana. Semua undang-undang yang zalim dan menekan rakyat sudah dibatal atau dihenti penguatkuasaannya. Pelaksanaan hukum bunuh dihenti sementara meneliti pendapat rakyat yang tidak semuanya bersetuju hukum ini dihapuskan.
- Undang-undang berkenaan berita palsu telah digantung sementara menunggu penghapusan. Media diberi kebebasan sepenuhnya tanpa perlu menunggu arahan atau pesanan daripada pemimpin-pemimpin atau orang suruhan mereka di Putrajaya seperti sebelum ini.
- Janji mengembalikan kepada perjanjian Malaysia tahun 1963 telah dilaksana dan diperakui oleh Kerajaan Pusat dengan pengiktirafan Malaysia sebagai cantuman Sabah, Sarawak dan Semenanjung.
- Pengekalan Malaysia sebagai stabil dan aman merupakan kejayaan yang besar kerana ramai yang khuatir Negara ini akan dilanda rusuhan kaum dan agama jika Kerajaan Malaysia Baharu memerintah.

➤ *The Rule of Law* atau pemerintahan mengikut undang-undang jelas diamalkan oleh Kerajaan Malaysia Baharu. Pemisahan kuasa antara tiga pihak iaitu pembuat undang-undang, pelaksana pentadbiran dan kehakiman jelas diamalkan.

➤ Inisiatif-inisiatif spesifik telah dilaksanakan untuk kesejahteraan warga Felda dan masyarakat India dan usaha ini sedang dipergiatkan.

➤ Begitu juga Inisiatif untuk kaum Wanita turut dipertingkatkan. Beberapa perlantikan memperlihatkan komitmen Kerajaan terhadap inisiatif ini. Buat julung-julung kalinya, Malaysia mendapat Timbalan Perdana Menteri wanita yang pertama. Selain dari beberapa jawatan penting di dalam Kabinet, Malaysia, buat pertama kalinya, kita melantik seorang wanita sebagai Ketua Hakim Negara. Bank Negara Malaysia sekali lagi diterajui oleh seorang wanita. Selain itu, beberapa syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) turut diterajui wanita. Ramai pegawai tinggi Kerajaan terdiri daripada wanita.

➤ Inisiatif-inisiatif untuk memberi peluang anak-anak muda memainkan peranan penting di dalam pembuatan dasar turut ditekankan. Kerajaan juga telah melantik seorang anak muda menjadi ahli Kabinet dan ini memperlihatkan kesediaan dan kepercayaan Kerajaan kepada kebolehan anak muda di dalam membantu membangun Negara. Kita percaya perlantikan itu akan memberi keyakinan kepada anak-anak muda bahawa mereka dihargai dan pandangan mereka di beri perhatian.

➤ Salah satu isu yang memerlukan perhatian Kerajaan ialah perumahan mampu milik. Salah satu strategi yang telah dilaksanakan ialah mewujudkan Majlis Perumahan Mampu Milik Kebangsaan yang menyatukan gerak kerja semua agensi berkaitan di bawah satu bumbung, dan dipengerusi oleh Perdana Menteri. Majlis ini, antara lain, mengambil langkah-langkah membina satu juta rumah

mampu milik dalam masa dua penggal dan menyelenggara satu pengkalan data terbuka rumah mampu milik yang belum terjual, untuk mengelak penyembunyian maklumat oleh pemaju yang tidak bertanggungjawab. 100,000 rumah mampu milik dijangka dapat dibina bagi tahun 2019.

➤ Pencapaian ini juga menunjukkan komitmen Kerajaan untuk membina Negara dan memenuhi harapan rakyat. Inisiatif yang diperkenalkan ini akan dapat memastikan rakyat dan Negara menikmati Kemakmuran Bersama.

➤ Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia Baharu ini sudah mula menampakkan hasil tetapi tempoh setahun tidak mencukupi untuk memperbetulkan kesemuanya.

➤ Setakat ini, dalam tempoh setahun, Kerajaan Malaysia Baharu ini telah berusaha sedaya mungkin untuk memenuhi seberapa banyak tanggungjawab untuk kesejahteraan rakyat. Sokongan berterusan rakyat amat penting untuk menjayakan pelbagai program dan inisiatif yang telah dirancang ini.





INISIATIF KERAJAAN MERINGANKAN KOS SARA HIDUP

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini akan dilaksanakan secara berterusan melalui program-program Kerajaan.

BANTUAN SARA HIDUP (BSH) B40



BANTUAN PELAJAR SEKOLAH



BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN

Peruntukan sebanyak
RM328 JUTA

Bantuan RM100

Bagi murid Tahun 1-Tingkatan 5
untuk isi rumah berpendapatan
bawah RM3,000

BANTUAN RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN (RMT)

RM250 JUTA kepada
487,446 ORANG MURID
MISKIN TEGAR

Tahun 1-6 bersekolah
di Sekolah Kebangsaan &
Sekolah Bantuan Kerajaan

INSENTIF SKIM PERUMAHAN

SISTEM PENGURUSAN PERUMAHAN NEGARA



ONE STOP CENTRE

bagi kemudahan rakyat mengakses
dan membuat permohonan rumah
yang ditawarkan **JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

MENYEDIAKAN RUMAH MAMPU MILIK (RMM)

Menyediakan
RM1 JUTA
Rumah Mampu Milik
(RMM)

dalam tempoh
10 Tahun

diseluruh negara melalui
agensi pelaksana seperti KPKT, lain-lain kementerian,
kerajaan negeri dan pihak swasta.



SKIM PERUMAHAN MAMPU MILIK SWASTA

INSENTIF SEBANYAK

RM30,000 SEUNIT

Untuk rumah pertama di bawah
skim ini.

PERUNTUKAN SEBANYAK

RM300 JUTA

memanfaatkan **10 RIBU** pembeli
Rumah Pertama

BANTUAN SISWA



ELAUN PELAJAR PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP) INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)

RM 430

Elaun sara diri sebulan

RM 500

Belanja tambang pergi balik
sekali setahun

BANTUAN PELAJAR PENDIDIKAN TINGGI (BPPT)

RM120 JUTA

untuk manfaat 1.2 juta
orang pelajar (100 bagi
setiap pelajar).

FOOD BANK SISWA MAHASISWA B40

Meringankan kos
sara hidup

DI 20 IPTA

APA ITU BSH B40

BSH B40 merupakan pemberian bantuan secara lebih bersasar dan bergantung kepada saiz isi rumah.

KADAR TAMBAHAN

Kadar tambahan BSH sebanyak **RM120** untuk setiap anak berumur 18 tahun ke bawah terhad kepada empat anak, kecuali anak kurang upaya yang tidak dihadkan umur mereka.

BANTUAN SARA HIDUP GOLONGAN BUJANG

ELAUN SARA sebanyak **RM300 JUTA. 3 JUTA PENERIMA BUJANG** termasuk **MAHASISWA** terima **RM100 (ONE-OFF)**

KADAR BANTUAN SARA HIDUP B40

RM1,000

Pendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi RM2,000

RM500

Pendapatan bulanan isi rumah RM3,001 hingga RM4,000

RM750

Pendapatan bulanan isi rumah RM2,001 hingga RM3,000



KESEJAHTERAAN WANITA

PROGRAM CARUMAN SUKARELA INSENTIF SURI (I-SURI)
(PENDAFTARAN BERMULA 15 OGOS 2018)

RM45 JUTA

Diperuntukkan untuk skim **i-Suri**

100,000 SURI RUMAH

yang berdaftar dengan **eKasih** mendapat manfaat menerusi skim ini. Menyediakan Skim Jaringan Keselamatan Sosial dan kebajikan suri rumah

PROGRAM PENGESANAN AWAL KANSER PAYU DARA DAN KANSER SERVIK UNTUK WANITA

Peruntukan Sebanyak

RM 20 JUTA

Manfaat

70,000 golongan wanita



INSENTIF KESIHATAN

Peka B40

SKIM PEDULI SIHAT KUMPULAN B40 (Peka B40)

Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangan yang berdaftar, berumur **50 tahun** dan ke atas secara automatik layak menyertai **Peka B40**. Tiada pendaftaran diperlukan
Sila Layari; www.pekab40.com.my

Peruntukan **RM100 JUTA, 800,000 PENERIMA TERIMA;**

- Perkhidmatan Saringan Kesihatan
- Bantuan Perubatan
- Insentif Rawatan Kanser
- Tambang Pengangkutan

mySalam
Perlindungan B40

PROGRAM PERLINDUNGAN KESIHATAN TAKAFUL (MySalam)

3.8 JUTA PENERIMA

Perlindungan Takaful percuma bagi individu B40/penerima BSH 18-55 tahun & pasangan

RM8,000 (ONE-OFF)

Bagi 36 penyakit kritikal & elaun harian hospital RM50, sehingga 14 hari atau RM700 setahun

KEMUDAHAN ASAS



PAS BULANAN

RM240 JUTA

Untuk **PAS BULANAN RM100** tanpa had perjalanan meliputi perkhidmatan rel dan bas

rapidKL



PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE)

RM5 JUTA

Diperuntukkan untuk Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)

33 BUAH

PAWE telah diluluskan untuk penubuhan fasa 1



KEDAI I-KEEP

FOOD BANK mala ysia & i-Keep

Sehingga April 2019, sebanyak

304 Kedai **i-Keep**

113 Premis di bandar

191 Di luar bandar

191 Sasaran kedai menjelang 2020

REBAT ELEKTRIK

216,958

Ketua Isi Rumah miskin dan miskin tegar eKasih layak menikmati **REBAT BIL ELEKTRIK**

RM40

(Data setakat 31 Mac 2019)

MALAYSIA BERSIH TANPA RASUAH

Kerajaan Malaysia Baharu amat komited dalam melaksanakan usaha demi usaha untuk memulihkan sistem pentadbiran negara termasuk bersungguh-sungguh memerangi rasuah sejak setahun lalu, selepas mengambil alih pentadbiran negara pada 9 Mei 2018.

Bagi mencapai status negara maju, kerajaan perlu memastikan negara bebas daripada sebarang gejala rasuah. Tidak kira bagaimana rasuah ditafsirkan hari ini, satu perkara yang jelas, integriti dan tadbir urus merupakan penyelesaian bersama kepada gejala rasuah. Ringkasnya, tiada rasuah jika manusia bertindak secara berintegriti; konsisten dalam melakukan perkara yang betul walaupun tiada siapa yang memerhatikan tindakan tersebut.

PELAN AntiRasuah Nasional (NACP) 2019-2023 secara rasminya dilancarkan sejajar usaha merealisasikan manifesto kerajaan ke arah negara bebas rasuah dan berintegriti. Pelan khusus itu dibangunkan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah, Jabatan Perdana Menteri (GIACC) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain.



Kerajaan akan memastikan usaha ini dilaksanakan untuk melindungi hak rakyat, menghentikan ketirisan dana awam, memperkuat keselamatan negara dan memacu pertumbuhan ekonomi. Usaha ini juga selaras dengan Perkara 5 Konvensyen Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu Memerangi Rasuah (United Nations Convention against Corruption - UNCAC) dan Pernyataan Kuala Lumpur mengenai Strategi Antirasuah pada tahun 2013.

Pelan ini dibuat berdasarkan 22 strategi yang akan diberi keutamaan bagi enam sektor utama dan ia mengandungi 115 inisiatif anti rasuah merangkumi enam sektor iaitu politik, perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, pentadbiran sektor awam, perundangan dan kehakiman serta tadbir urus korporat.

Bertemakan 'Memecah Rantaian Rasuah', NACP adalah pelan yang dibangunkan khusus untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun. Pelan khusus ini dibangunkan bagi menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil oleh setiap agensi kerajaan dan swasta dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus untuk tempoh lima tahun akan datang.

Sesuai dengan tema Hari Kebangsaan 2019 ini, Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih, perpaduan kaum merupakan elemen yang amat penting yang harus dititikberatkan dan perhatian sepenuh jiwa dan raga haruslah diberikan kerana hubungan akrab antara kaum adalah penting bagi menjamin kestabilan sosial, ekonomi dan politik negara.

Hubungan kaum yang harmoni adalah kunci kepada kemajuan dan kestabilan negara. Bagi mencapai kemajuan dan kecemerlangan di persada dunia, negara kita memerlukan rakyat yang komited dan berdedikasi untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing secara bersih, cekap dan amanah dengan menolak rasuah sekeras-kerasnya.

MALAYSIA haruslah dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023

BIDANG KEUTAMAAN



TADBIR URUS POLITIK



PENTADBIRAN SEKTOR AWAM



PEROLEHAN AWAM



PERUNDINGAN DAN KEHAKIMAN



PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG



TADBIR URUS KORPORAT

ENAM STRATEGI

01

Memperkukuh akauntabiliti dan integriti politik

02

Memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan awam

03

Mempertingkat keberkesanan dan ketelusan perolehan awam

04

Mempertingkat kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman

05

Menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang

06

Memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat

17 OBJEKTIF STRATEGIK

- 01 Mereformasi sistem perundangan dan pilihan raya
- 02 Memastikan ketelusan dan akauntabiliti pentadbiran kerajaan
- 03 Menangani campur tangan ahli politik dalam perkhidmatan awam dan pentadbiran pihak tempatan
- 04 Memperkasa autoriti dan tadbir urus parlimen
- 05 Merekayasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus baik
- 06 Menggalakkan merit dan integriti dalam proses pengambilan, pemilihan dan pelantikan ke mana-mana jawatan
- 07 Mengukuhkan akauntabiliti pihak berkuasa tempatan
- 08 Menambah baik keberkesanan pendidikan dan pembangunan profesional berterusan dalam kalangan pegawai awam melalui program berdasarkan *Human Governance*
- 09 Memperkukuh kerangka perolehan awam
- 10 Meningkatkan ketelusan perolehan awam, pengurangan risiko rasuah, penyelewengan pasaran dan antipersaingan
- 11 Menambah baik keberkesanan institusi sistem perundangan dan kehakiman
- 12 Menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang
- 13 Keperluan penggunaan teknologi tinggi dalam penguatkuasaan undang-undang
- 14 Memperkukuh agensi penguatkuasaan undang-undang
- 15 Menambah baik perundangan agensi penguatkuasaan undang-undang
- 16 Memastikan pengamalan ketelusan pihak yang mengawal entiti korporat
- 17 Memastikan daya tahan terhadap ancaman rasuah di entiti korporat

Semarak MALAYSIA

PERPADUAN ASAS KEKUATAN NEGARA

Sebagai sebuah negara berbilang kaum, perpaduan adalah elemen penting yang harus dipupuk. Ini bagi memastikan Malaysia terus kuat dan kekal menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Perpaduan dan hubungan kaum yang harmoni juga adalah kunci kepada kemajuan dan kestabilan negara. Ia menjadi senjata utama untuk menghadapi pelbagai ancaman yang cuba mengganggu-gugat keharmonian negara.

Bagi mengekalkan perpaduan, sikap penerimaan antara kaum, bersatu padu, bertolak ansur dan saling hormat menghormati harus sentiasa diamalkan. Menghormati perbezaan dalam kepelbagaian adalah rukun penting dalam kehidupan bernegara masyarakat majmuk. Kepelbagaian yang kita miliki ini harus diraikan berdasarkan 5 Prinsip Rukun Negara yang telah dipersetujui bersama-sama dahulu. Persengketaan dan perselisihan faham hanya akan melemahkan perpaduan dan keharmonian yang telah lama terbina ini.

Dengan semangat Kita Malaysia, marilah kita bersama-sama menghargai dan mengekalkan perpaduan dan keharmonian yang telah 62 tahun kita nikmati ini. Malaysia ini kita punya! Semoga Malaysia terus maju, aman dan makmur.

KITA M
PERPADUAN



PERKUKUH SEMANGAT KITA MALAYSIA

- ▶ Hayati 5 Prinsip Rukunegara
- ▶ Bersatu-padu
- ▶ Sayangi Malaysiaku
- ▶ Prihatin
- ▶ Berbudi Bahasa
- ▶ Bertolak Ansor
- ▶ Saling Hormat Menghormati
- ▶ Pentingkan Amanah Dan Integriti
- ▶ Menghormati Perbezaan Dan Kepelbagaian

Malaysia yang terkenal dengan kepelbagaian budaya dan bangsa, sudah mencapai perpaduan dan keharmonian yang kukuh. Ia jelas dapat dilihat melalui budaya harmoni yang dipupuk sekian lama oleh mereka yang terdahulu, dan disambung serta diperkukuhkan masyarakat kini. Justeru, marilah kita bersama-sama menghargai perpaduan dan keharmonian negara. Bak kata pepatah Melayu 'berat sama dipikul ringan sama dijinjing', 'bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat'. Ayuh, marilah kita perkukuhkan semangat kita Malaysia kerana Malaysia ini kita punya!



SAYANGI MALAYSIAKU



Laungan merdeka, merdeka, merdeka, merdeka, merdeka, merdeka, 62 tahun yang lalu adalah hasil usaha permuafakatan antara kaum di Malaysia.

Dalam semangat Sayangi Malaysiaku, perpaduan kaum amat penting untuk mewujudkan sebuah negara yang aman dan damai. Rakyat yang bersatu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya adalah asas kepada penyatuan negara bangsa. Ketika negara lain diancam dengan pelbagai isu yang mengganggu-gugat kestabilan negara, Malaysia tetaplah di mata dunia sebagai sebuah negara yang makmur dan harmoni. Ini kerana rakyat Malaysia hidup bersatu-padu dibawah Gagasan Malaysia Baharu yang telah diperkenalkan.

Keakraban dan permuafakatan dalam kalangan masyarakat majmuk telah melahirkan satu identiti negara yang dikagumi di peringkat global. Dapat disimpulkan bahawa, masyarakat yang bersatu-padu mampu membina dan mengekalkan sebuah negara yang berdaulat dan maju serta aman dan damai.

Kerajaan Malaysia Baharu melalui pelbagai wawasan dan gagasan serta pelaksanaan pelbagai inisiatif telah memainkan peranan terbaik untuk mengekalkan kemakmuran dan keamanan di Malaysia. Malaysia pada masa ini berada dalam proses pembangunan untuk mencapai status negara maju. Kejayaan proses ini sangat bergantung kepada sokongan dan kesatuan daripada semua masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa.

Sebagai rakyat Malaysia, kita telah berikrar dan menanamkan dalam diri bahawa untuk mencapai cita-cita negara, setiap rakyat perlu mematuhi dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara. 5 Prinsip Rukun Negara ini adalah kunci perpaduan kepada Malaysia. Dengan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara ini rakyat dapat hidup dalam keadaan harmoni, bersatupadu, bertolak ansur dan hormat-menghormati tanpa mengira batas perkauman, adat resam dan jurang ekonomi.

Negara Malaysia tercinta ini amat bertuah kerana memiliki kekayaan pelbagai budaya, agama, bahasa dan adat resam. Keunikan kekayaan dan kepelbagaian ini menjadi mercu tanda kejayaan negara dalam pengurusan etnik yang mementingkan aspek toleransi.

Hargailah kemerdekaan yang telah dikecapi selama 62 tahun ini. Jangan biarkan anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab memusnahkan keamanan negara Malaysia tercinta ini. Teruslah bersatu-padu dalam kepelbagaian, sayangi Malaysiaku.




“ Kita perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan negara kita. Kita perlu bercita-cita besar untuk menjadi negara maju. Ini boleh dicapai kalau ada kerjasama antara kaum-kaum di Malaysia. Biarlah lewat sedikit, yang penting kita capai matlamat kita daripada tidak capai matlamat sama sekali. ”

YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad
Perdana Menteri
Perhimpunan Perdana Perpaduan 2019
Dewan Sri Pinang George Town, Pulau Pinang
8 Februari 2019



“ Kita harus menyetepikan segala kepentingan diri bagi kebaikan masyarakat seterusnya memupuk semangat cintakan negara bagi mencapai keharmonian. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dan berpimpin tangan demi mengeratkan perpaduan berbilang bangsa seterusnya menterjemah budaya toleransi dalam konteks bermasyarakat. ”

YAB Datuk Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail
Timbalan Perdana Menteri
Perutusan Aidiladha
11 Ogos 2019



“ Kerjasama antara kaum adalah kunci kepada kita dalam menangani dan menghadapi ancaman dan cabaran, dan tidak harus dipandang ringan atau diperkecilkan. Kepelbagaian rakyat Malaysia wajib dipertahankan dan diperkukuhkan demi masa depan yang lebih cerah dan makmur. ”

YB Tuan Gobind Singh Deo
Menteri Komunikasi dan Multimedia
Sambutan Rumah Terbuka Vaisakhi
Padang Merbok, Kuala Lumpur
26 Mei 2019



SEJARAH KEMERDEKAAN MALAYSIA

Tarikh keramat 31 Ogos 2019, menyaksikan genap 62 tahun Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Kemerdekaan membawa makna bebas daripada penjajahan kuasa asing dari segi minda dan budaya serta yang lebih penting lagi mempunyai negara yang bermaruah dan berdaulat.

Sepanjang tempoh tersebut Malaysia menyaksikan perubahan daripada pelbagai sudut serta mencapai

kemajuan dalam sosioekonomi, kestabilan politik, perpaduan kaum yang erat serta hubungan antarabangsa dengan negara serantau. Dalam menghargai kemerdekaan ini, menghayati sejarah lalu amat penting ke arah membina dan mengukuhkan jati diri dikalangan generasi muda serta menjalinkan perpaduan penduduk Malaysia tercinta. Pertahankan kemerdekaan ini!

Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih.

INFO RINGKAS

KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU DAN PENUBUHAN MALAYSIA

1945

Kesatuan Malaya (Malayan Union) ditubuhkan oleh kerajaan British bertujuan membawa Tanah Melayu ke arah pembentukan kemerdekaan.

1947

Konsep Kesatuan Malaya ditukar kepada pembentukan sebuah Persekutuan Tanah Melayu.

1948

Tanah Melayu diisytiharkan darurat akibat pemberontakan komunis. Parti Komunis Malaya telah diharamkan pada 23 Julai 1948.

1949

Pihak Inggeris mendapati orang Melayu tidak mempunyai masalah untuk mewujudkan sebuah negara yang berbilang kaum selepas pilihan raya Tanah Melayu dimenangi Parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO (Melayu), MCA (Cina) dan MIC (India).

27 Julai 1955

Pilihan raya Persekutuan pertama telah diadakan. UMNO telah mengadakan kerjasama dengan MCA dan MIC bagi membentuk Parti Perikatan untuk menghadapi pilihan raya tersebut. UMNO menang 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.

10 Ogos 1955

Tunku Abdul Rahman membentuk Kabinet pertama dianggotai oleh enam wakil kaum Melayu, tiga wakil kaum Cina dan dua wakil kaum India.

18 Januari - Februari 1956

Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan rundingan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ke London. Antara yang turut serta dalam rundingan ini adalah Encik Ong Yoke Lin, Encik V.T Sambanthan, Encik Mohamed Khir Johari, dan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Tuan Haji Mustapha Al-Bakri.

8 Februari 1956

Perjanjian Merdeka telah dimeterai dan rundingan ini berjaya mendapat persetujuan British. Tarikh 31 Ogos 1957 telah ditetapkan sebagai tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

20 Februari 1956

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengisytiharkan tarikh kemerdekaan Malaya di Padang Pahlawan, Banda Hilir, Melaka.

30 Ogos 1957

Detik-detik penantian ambang Merdeka pertama di Kelab Selangor yang kini dikenali sebagai Dataran Merdeka.

31 Ogos 1957

Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan secara rasmi tepat jam 9.30 pagi di Stadium Merdeka dengan disaksikan oleh 20000 orang termasuk Raja-raja Melayu, tetamu khas dari luar negara, anggota Kabinet Kerajaan Persekutuan dan rakyat jelata.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj melaungkan perkataan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali, dengan disambut sorakan gembira oleh rakyat.



PENUBUHAN MALAYSIA



31 Ogos 1957

Kemerdekaan Tanah Melayu (Malaya).

27 Mei 1961

Tunku Abdul Rahman telah mengagaskan tentang perlunya diwujudkan satu rancangan untuk membawa Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak ke dalam satu bentuk kerjasama politik semasa Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura.

23 Julai 1961

Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia telah ditubuhkan melalui Mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel Cawangan Tanah Melayu dan Borneo di Singapura telah menubuhkan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia dipengerusikan oleh Donald Stephen.

Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan memberi penerangan kepada penduduk Borneo Utara, Sarawak dan Brunei mengenai penubuhan Malaysia.

Ogos 1961

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Sabah.

18 hingga 20 Disember 1961

Mesyuarat kedua Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Kuching, Sarawak.

6 & 7 Januari 1962



Mesyuarat ketiga Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Selangor Legislative Assembly Chamber, Kuala Lumpur.

17 Januari 1962

Suruhanjaya Cobbold telah ditubuhkan bagi meninjau pandangan penduduk negeri-negeri di Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak. Suruhanjaya dianggotai oleh lima orang ahli iaitu Lord Cobbold, Dato' Wong Pow Nee, En. Mohd Ghazali Shafie, Sir Anthony Abeli dan Sir David Watherson, Mr. H. Harris bertindak sebagai Setiausaha.

3 & 4 Februari 1962

Mesyuarat keempat Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia.

21 Jun 1962

Laporan Suruhanjaya Cobbold telah disiapkan dan dikemukakan kepada kerajaan British dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Julai 1962

Kata sepakat dicapai antara Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman dengan Tuan Harold MacMillan Perdana Menteri British untuk mengadakan rundingan mengenai penubuhan Malaysia.



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengadakan sidang akhbar di residensi beliau pada 6 Julai 1963, bagi mengumumkan keberangkatan ke London untuk menghadiri majlis menandatangani perjanjian penubuhan Malaysia.

9 Julai 1963

Perjanjian Penubuhan Persekutuan Malaysia telah ditandatangani di Pejabat Perhubungan Komanwel di Malborough house, London oleh wakil-wakil kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura

22 Julai 1963

Sarawak mencapai kemerdekaan.

31 Ogos 1963

Sabah (Borneo Utara) telah mencapai kemerdekaan.

16 September 1963

Penubuhan Malaysia.

Semarak MALAYSIA



Ekspressi ANAK MERDEKA



PROGRAM BULAN KEBANGSAAN 2019



Semarak MALAYSIA





Sayangi
Malaysiaku
MalaysiaBersih





TEMA & RASIONAL **SAYANGI MALAYSIAKU : MALAYSIA BERSIH**

Sayangi Malaysiaku : Malaysia Bersih

- Menekankan kepentingan perpaduan dan semangat cintakan negara bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara tanpa mengira perbezaan kaum, agama, dan bangsa. Menonjolkan nilai integriti dan jati diri rakyat Malaysia yang bersih dan tinggi.

LOGO & RASIONAL LOGO

Memaparkan tiga orang dengan pergerakan riang mengangkat tangan dengan satu bentuk hati di hadapan (dada) mereka.

Logo ini menggambarkan warganegara Malaysia berbilang bangsa dalam keharmonian rasa, seja sekata, sehati sejiwa, membara rasa sayang kepada Negara Malaysia.



Penggunaan warna-warna Jalur Gemilang menggambarkan kepelbagaian dalam satu perasaan, Sayangi Malaysiaku : Malaysia Bersih.

Malaysia akan menjadi negara yang aman damai dan makmur sekiranya rakyat mengamalkan budaya integriti dan menolak rasuah.

**Sayangi
Malaysiaku**
MalaysiaBersih



LAGU KEBANGSAAN

NEGARAKU

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku,
Rakyat hidup
bersatu dan maju,

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan,
Raja kita
selamat bertakhta,

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan.
Raja kita
selamat bertakhta

Pencipta : Saiful Bahri





LAGU TEMA HARI KEBANGSAAN 2019

MALAYSIA BERSIH

Harapan semua moga kita berjaya
Bagai negara yang kekal merdeka
Amanah bangsa kita pikul bersama
Jadikan Malaysia bahagia

Asal budaya kita, budi pekerti indah
Amanah jujur amalan kita
Kini masanya sudah tiba untuk bina semula
Negara tercinta

Kita bina negara, perangi rasuah
Kita satukan hati, demi ibu pertiwi
Keutuhan jiwa, bina nurani
Moga kita terus disanjung

Harapan semua moga kita berjaya
Bagai negara yang kekal merdeka
Kini masanya sudah tiba untuk bina semula
Negara tercinta

Malaysia bersih harapan kita!
Malaysia bersih harapan kita!

Pencipta : Muhammad Yuri Mohamed Idris
Lirik : Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

**Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
dan Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.**

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut :

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**



Semarak MALAYSIA



Selamat Menyambut Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2019

Semoga harapan kita agar Malaysia terus maju, aman dan saksama akan kekal selamanya. Sayangilah Malaysiaku ini.

Perutusan Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad
Sempena sambutan Hari Kebangsaan 2018



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



JABATAN
PENERANGAN
MALAYSIA

Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Laman Web : www.penerangan.gov.my
Emel : webmaster@inform.gov.my



B.021 (B.M) OGOS 2019 (015.)